



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### AKTA A953

### AKTA KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 1996

Tarikh Persetujuan Diraja : 15 Julai 1996  
Tarikh diterbitkan dalam *Warta*: 1 Ogos 1996  
Tarikh mula berkuat kuasa: 1 Ogos 1996

---

#### SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN

---

#### [Mukadimah.](#)

- Seksyen 1. [Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.](#)  
Seksyen 2. [Pindaan seksyen 2.](#)  
Seksyen 3. [Pindaan seksyen 3.](#)  
Seksyen 4. [Pindaan seksyen 4.](#)  
Seksyen 5. [Pindaan seksyen 7.](#)  
Seksyen 6. [Pindaan seksyen 16.](#)  
Seksyen 7. [Pindaan seksyen 18.](#)  
Seksyen 8. [Pindaan seksyen 19.](#)  
Seksyen 9. [Pindaan seksyen 21.](#)  
Seksyen 10. [Pindaan seksyen 22.](#)  
Seksyen 11. [Pindaan seksyen 23.](#)  
Seksyen 12. [Pindaan seksyen 24.](#)  
Seksyen 13. [Pindaan seksyen 25.](#)  
Seksyen 14. [Pindaan seksyen 27.](#)  
Seksyen 15. [Pindaan seksyen 29.](#)  
Seksyen 16. [Seksyen baru 30A dan 30B.](#)  
Seksyen 17. [Pindaan seksyen 31.](#)

- Seksyen 18. [Seksyen baru 31A.](#)
- Seksyen 19. [Pindaan seksyen 32.](#)
- Seksyen 20. [Pindaan seksyen 33.](#)
- Seksyen 21. [Seksyen baru 33A.](#)
- Seksyen 22. [Pindaan seksyen 34A.](#)
- Seksyen 23. [Bahagian baru IV A.](#)
- Seksyen 24. [Pindaan seksyen 36.](#)
- Seksyen 25. [Bahagian baru V A.](#)
- Seksyen 26. [Pindaan seksyen 37.](#)
- Seksyen 27. [Pindaan seksyen 38.](#)
- Seksyen 28. [Seksyen baru 38A.](#)
- Seksyen 29. [Pindaan seksyen 41.](#)
- Seksyen 30. [Pindaan seksyen 45.](#)
- Seksyen 31. [Seksyen baru 46A, 46B, 46C, 46D dan 46E.](#)
- Seksyen 32. [Pindaan seksyen 48.](#)
- Seksyen 33. [Pindaan seksyen 50.](#)
- Seksyen 34. [Pindaan seksyen 51.](#)

## **Mukadimah.**

Suatu Akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

## **Seksyen 1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.**

Akta ini bolehlah dinamakan **Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1996** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

## **Seksyen 2. Pindaan seksyen 2.**

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 2-

(a) dengan memasukkan selepas takrif "alam sekeliling" takrif yang berikut:

' " audit alam sekeliling" ertinya penilaian berkala, sistematik, didokumenkan dan penilaian objektif untuk menentukan-

(a) status pematuhan kepada kehendak pengawalan alam sekeliling;

(b) sistem pengurusan alam sekeliling; dan

(c) risiko alam sekeliling secara keseluruhan bagi premis;

"barang-barang" termasuklah benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar dan buangan;

"benda berbahaya kepada alam sekeliling" ertinya apa-apa benda semulajadi atau buatan, termasuklah apa-apa bahan mentah, sama ada dalam bentuk pepejal, separuh pepejal atau cecair, atau dalam bentuk gas atau wap, atau dalam campuran sekurang-kurangnya dua daripada benda ini, atau apa-apa organisma hidup yang dicadangkan bagi apa-apa perlindungan, pemeliharaan dan aktiviti kawalan, yang boleh menyebabkan pencemaran;;

(b) dengan menggantikan takrif "buangan" dengan takrif yang berikut:

' "buangan" termasuklah apa-apa benda yang ditetapkan sebagai buangan terjadual, atau apa-apa benda sama ada dalam bentuk pepejal, separuh pepejal, atau cecair, atau dalam bentuk gas atau wap yang dilepaskan, dikeluarkan atau diletakkan dalam alam sekeliling dalam apa-apa isipadu, komposisi atau cara yang menyebabkan pencemaran;;

(c) dengan memasukkan selepas takrif "buangan" takrif yang berikut:

' " buangan terjadual" ertinya apa-apa buangan yang ditetapkan oleh Menteri dalam peraturan-peraturan sebagai buangan terjadual;;

(d) dengan memasukkan selepas takrif "ditetapkan" takrif yang berikut:

' "dokumen" ertinya apa-apa hal yang dinyatakan, diperihalkan, atau bagaimana jua pun digambarkan, pada apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau alat, dengan menggunakan-

(a) apa-apa huruf, angka, tanda, simbol, isyarat, lambang, atau bentuk pernyataan, perihalan atau gambaran lain;

(b) suatu rakaman visual (sama ada apa-apa imej kaku atau bergerak);

(c) suatu rakaman bunyi, atau apa-apa rakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau rakamana lain, atau oleh apa-apa bunyi, tekanan elektronik atau data lain; atau

(d) suatu rakaman, atau pemancaran, atas suatu jarak apa-apa hal dengan mana-mana, atau apa-apa kombinasi, cara yang disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c), atau dalam perenggan ini;

"Jawatankuasa" ertinya Jawatankuasa Kumpulan Wang Alam Sekeliling yang ditubuhkan di bawah seksyen 36C;';

(e) dalam takrif "kelengkapan kawalan" dengan memasukkan selepas perkataan "alat" dalam perenggan (d) perkataan "atau kemudahan";

(f) dengan memasukkan selepas takrif "kelengkapan kawalan" takrif yang berikut:

' " keluaran yang ditetapkan" ertinya apa-apa keluaran yang ditetapkan oleh Menteri di bawah perenggan 30A(1)(b);';

(g) dengan memasukkan selepas takrif "Ketua Pengarah" takrif yang berikut:

' " komputer" ertinya apa-apa alat, yang dikenalpasti dengan nama atau perihalan apa pun, bagi merekodkan, menyimpan, memproses, mendapatkan semula atau mengeluarkan apa-apa maklumat atau hal, atau bagi melaksanakan mana-mana satu fungsi itu atau lebih; dan, jika dua komputer atau lebih menjalankan mana-mana satu fungsi itu atau lebih sebagai kombinasi, disatukan, atau berturutan, komputer itu hendaklah dikira sebagai satu komputer;

"Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Alam Sekeliling yang ditubuhkan di bawah seksyen 36B;';

(h) dengan memasukkan selepas takrif "minyak" takrif yang berikut:

' " pembawa yang ditetapkan" ertinya kenderaan atau kapal yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 18 sebagai pembawa yang ditetapkan;';

(i) dengan menggantikan takrif "pemunya" dengan takrif yang berikut:

' " pemunya" berhubung dengan-

(a) mana-mana premis, ertinya-

(i) tuan punya berdaftar premis itu;

(ii) pemegang pajak bagi sesuatu pajakan termasuklah suatu pajakan kecil premis itu, sama ada didaftarkan atau tidak;

(iii) ejen atau pemegang amanah mana-mana pemunya yang diperihalkan dalam subperenggan (i) dan (ii) takrif ini atau jika pemunya yang diperihalkan dalam subperenggan (i) dan (ii) itu tidak dapat dikesan atau telah mati, wakil dirinya yang sah di sisi undang-undang; atau

(iv) orang yang pada masa itu menerima sewa premis itu sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah bagi mana-mana orang lain atau sebagai penerima atau yang akan menerima sewa jika premis itu disewakan kepada seorang tenan;

(b) sesuatu kapal, ertinya-

(i) orang yang didaftarkan sebagai pemunya kapal itu;

(ii) jika tiada pendaftaran, orang yang mempunyai kapal itu;

(iii) dalam hal kapal yang dipunyai oleh mana-mana negeri dan dikendalikan oleh suatu syarikat yang berdaftar dalam negeri itu sebagai pengendali kapal, "pemunya" hendaklah termasuk negeri itu; atau

(iv) ejen atau pemegang amanah mana-mana pemunya yang diperihalkan dalam sub perenggan (i), (ii) dan (iii), atau jika pemunya yang diperihalkan dalam subperenggan (i) dan (ii) itu tidak dapat dikesan atau telah mati, wakil dirinya yang sah disisi undang-undang;

(c) mana-mana kenderaan atau pesawat udara, ertinya orang yang berdaftar sebagai pemunya kenderaan atau pesawat udara itu;';

(j) dengan menggantikan takrif "pencemar" dengan takrif yang berikut:

' "pencemar" ertinya apa-apa benda semulajadi atau buatan, sama ada dalam bentuk pepejal, separuh pepejal atau cecair, atau dalam bentuk gas atau wap, atau campuran sekurang-kurangnya dua daripada benda ini, atau bau-bau busuk atau bunyi bising atau haba yang dilepaskan, dikeluarkan atau diletakkan atau yang berkemungkinan dilepaskan, dikeluarkan atau diletakkan daripada mana-mana sumber yang boleh secara langsung atau tidak langsung menyebabkan pencemaran dan termasuk apa-apa benda berbahaya kepada alam sekeliling;';

(k) dalam takrif "pencemaran"-

(a) dengan menggantikan perkataan "biologi, atau radioaktif" dengan perkataan "atau biologi"; dan

(b) dengan memasukkan selepas perkataan "meletakkan" perkataan "benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau";

(l) dengan menggantikan takrif "penduduk" dengan takrif yang berikut:

' "penduduk" ertinya seseorang yang menduduki atau mengawal-

(a) mana-mana premis; atau

(b) berhubungan dengan premis yang bahagian yang berlainan diduduki oleh orang yang berlainan, orang yang masing-masingnya menduduki atau mengawal setiap bahagian itu; atau

(c) apa-apa kenderaan, kapal atau pesawat udara;';

(m) dengan memasukkan selepas takrif "penduduk" takrif yang berikut:

' "perairan daratan" ertinya apa-apa takungan, kolam, tasik, sungai, anak sungai, tali air, parit, mata air atau telaga, atau mana-mana bahagian laut di atas tikas air rendah di

sepanjang pantai, atau mana-mana badan dengan permukaan semulajadi atau buatan yang lain atau subpermukaan air;';

(n) dengan memasukkan selepas takrif "perairan Malaysia" takrif yang berikut:

' " pesawat udara" termasuklah apa-apa jenis kenderaan yang digunakan bagi membawa penumpang atau barang-barang melalui udara;';

(o) dengan menggantikan takrif "premis" dengan takrif yang berikut:

' " premis" termasuklah mesuaj, bangunan, tanah, dan hereditamen tiap-tiap pemegangan dan apa-apa jentera atau loji;';

(p) dengan memasukkan selepas takrif "program pengawasan" aktif yang berikut:

' "risiko alam sekeliling" ertinya apa-apa risiko, bahaya atau kemungkinan akibat buruk yang boleh terjadi pada alam sekeliling;';

(q) dengan memasukkan selepas takrif "segmen" takrif yang berikut:

' "sistem pengurusan alam sekeliling" ertinya sistem yang terdiri daripada suatu struktur organisasi dengan tanggungjawab, amalan, prosedur, proses dan sumbernya bagi melaksanakan dan menyenggara sistem yang berhubungan dengan alam sekeliling;'; dan

(r) dengan memasukkan selepas takrif "tanahtanah" takrif yang berikut:

' "transit" ertinya laluan berterusan dari satu sempadan ke sempadan lain melalui wilayah dan perairan Malaysia tanpa simpanan;';

### **Seksyen 3. Pindaan seksyen 3.**

Subseksyen 3(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (1) perenggan yang berikut:



"(11) untuk mentadbir Kumpulan Wang;"

#### **Seksyen 4. Pindaan seksyen 4.**

Subseksyen 4(2) Akta ibu adalah dipinda-

(a) dengan menggantikan perenggan (c) dan (cc) dengan perenggan yang berikut:

"(c) Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau wakilnya yang diberikuasa;

(cc) Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atau wakilnya yang diberikuasa;

(ccc) Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian atau wakilnya yang diberikuasa;" dan

(b) dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan yang berikut:

"(d) Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia atau wakilnya yang diberikuasa;" .

#### **Seksyen 5. Pindaan seksyen 7.**

Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

"(6) Menteri boleh menjemput atau meminta seorang, yang bukan anggota Majlis, untuk menghadiri apa-apa mesyuarat Majlis bagi maksud menasihatinya mengenai perkara yang dibincangkan tetapi orang yang hadir sedemikian itu tidak berhak mengundi dalam mesyuarat itu."

## **Seksyen 6. Pindaan seksyen 16.**

Subseksyen 16(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "sepuluh ribu" dengan perkataan "dua puluh lima ribu".

## **Seksyen 7. Pindaan seksyen 18.**

Seksyen 18 Akta ibu adalah dipinda-

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Menteri, selepas berunding dengan Majlis, boleh dengan perintah menetapkan kenderaan atau kapal yang digunakan bagi pergerakan, pemindahan, penempatan atau peletakan buangan (selepas ini disebut pembawa yang ditetapkan) yang penggunaannya oleh mana-mana orang, melainkan jika orang itu adalah pemegang bagi lesen yang dikeluarkan berkenaan dengan pembawa yang ditetapkan itu, adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta ini."; dan

(b) dalam subseksyen (3)-

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "subseksyen (1)" perkataan "atau (1A)"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "sepuluh ribu" dengan perkataan "lima puluh ribu".

## **Seksyen 8. Pindaan seksyen 19.**

Seksyen 19 Akta ibu adalah dipinda-

(a) dengan menggantikan perkataan "premis menjadi premis yang ditetapkan" dalam nota birai perkataan "kenderaan, kapal atau premis menjadi pembawa yang ditetapkan atau premis yang ditetapkan"; dan

(b) dengan menggantikan perkataan "premis yang akan menyebabkan premis itu menjadi premis yang ditetapkan" dalam perenggan (a) dengan perkataan "kenderaan atau kapal, atau premis yang akan menyebabkan kenderaan atau kapal, atau premis untuk menjadi pembawa yang ditetapkan atau premis yang ditetapkan, mengikut mana-mana yang berkenaan".

## **Seksyen 9. Pindaan seksyen 21.**

Seksyen 21 Akta ibu adalah dipinda-

(a) dengan menggantikan perkataan "pelepasan." dalam nota birai dengan perkataan

"pengeluaran, pelepasan, dsb."; dan

(b) dengan memasukkan selepas perkataan "peletakan" dalam seksyen itu perkataan "benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau".

## **Seksyen 10. Pindaan seksyen 22.**

Seksyen 22 Akta ibu adalah dipinda-

(a) dengan memasukkan selepas perkataan "melepaskan apa-apa" dalam subseksyen (1)

perkataan "benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau";

(b) dalam subseksyen (3)-

(i) dengan menggantikan perkataan "sepuluh ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit";

(ii) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "lima"; dan

(iii) dengan menggantikan perkataan "one thousand dollars" yang terdapat dalam teks bahasa Inggeris dengan perkataan "one thousand ringgit".

## **Seksyen 11. Pindaan seksyen 23.**

Subseksyen 23(2) Akta ibu adalah dipinda-

- (a) dengan menggantikan perkataan "lima ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan "satu" dengan perkataan "lima".

## **Seksyen 12. Pindaan seksyen 24.**

Subseksyen 24(3) Akta ibu adalah dipinda-

- (a) dengan menggantikan perkataan "sepuluh ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit";
- (b) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "lima"; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan "one thousand dollars" yang terdapat dalam teks bahasa Inggeris dengan perkataan "one thousand ringgit".

## **Seksyen 13. Pindaan seksyen 25.**

Seksyen 25 Akta ibu adalah dipinda-

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan "meletakkan apa-apa" dalam subseksyen (1) perkataan "benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau"; dan
- (b) dalam subseksyen (3)-
  - (i) dengan menggantikan perkataan "sepuluh ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit";

(ii) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "lima"; dan

(iii) dengan menggantikan perkataan "one thousand dollars" dalam teks bahasa Inggeris dengan perkataan "one thousand ringgit".

## **Seksyen 14. Pindaan seksyen 27.**

Subseksyen 27(2) Akta ibu adalah dipinda-

(a) dengan memotong perkataan "tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan";

(b) dengan menggantikan perkataan "dua puluh lima ribu ringgit" dengan perkataan "lima ratus ribu ringgit"; dan

(c) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "lima".

## **Seksyen 15. Pindaan seksyen 29.**

Seksyen 29 Akta ibu adalah dipinda-

(a) dengan memasukkan selepas perkataan "melepaskan" dalam subseksyen (1) perkataan

"benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau"; dan

(b) dalam subseksyen (2)-

(i) dengan menggantikan perkataan "sepuluh ribu ringgit" dengan perkataan "lima ratus ribu ringgit"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "lima".

## **Seksyen 16. Seksyen baru 30A dan 30B.**

Akta ini adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 30 seksyen yang berikut:

**"Kuasa untuk mengawal penggunaan benda dan keluaran dan menyatakan pelabelan alam sekeliling.**

30A. (1) Menteri, selepas berunding dengan Majlis, boleh dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta-*

(a) menetapkan apa-apa benda sebagai benda berbahaya kepada alam sekeliling yang menghendaki benda itu dikurangkan, dikitar, didapatkan atau dikawal mengikut cara yang dinyatakan dalam perintah itu; dan

(b) menetapkan apa-apa keluaran sebagai keluaran yang ditetapkan untuk jualan dan bahawa keluaran itu hendaklah mengandungi peratusan minimum benda-benda yang dikitar dan mempunyai kenyataan yang sesuai tentang jujuk dikitar, kaedah pengilangan dan pelupusannya.

(2) Mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh menyatakan kaedah-kaedah tentang penggunaan, rekabentuk dan pemakaian label yang berkaitan dengan penjualan benda atau keluaran yang diperakukan sebagai tidak memudaratkan alam sekeliling.

(3) Mana-mana orang yang tidak atau enggan mematuhi perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

**Kuasa untuk menyatakan kaedah-kaedah mengenai skim deposit dan rebet.**

30B. Menteri, selepas berunding dengan Majlis, boleh menyatakan garis panduan dan prosedur mengenai skim deposit dan rebet berhubungan dengan pelupusan keluaran yang dianggap-

(a) memudaratkan alam sekeliling; atau

(b) menyebabkan kekangan bertentangan terhadap alam sekeliling,

bagi maksud memungut keluaran itu dengan berkesan bagi memastikan kitaran atau pelupusan keluaran itu dibuat dengan cara yang baik kepada alam sekeliling."

## **Seksyen 17. Pindaan seksyen 31.**

Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 31 dengan seksyen yang berikut:

**"Kuasa menghendaki pemunya atau penduduk memasang, mengendali, membaiki, dsb.**

(1) Jika mana-mana benda yang berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan sedang atau mungkin akan dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan daripada mana-mana kenderaan, kapal atau premis, tanpa mengira sama ada kenderaan, kapal atau premis itu adalah yang ditetapkan di bawah seksyen 18 atau selainnya, atau daripada mana-mana pesawat udara, Ketua Pengarah boleh dengan notis secara bertulis menghendaki pemunya atau penduduk kenderaan, kapal atau premis, atau pesawat udara itu, untuk -

(a) memasang dan mengendalikan apa-apa kelengkapan kawalan atau kelengkapan kawalan tambahan;

(b) membaiki, mengubah atau mengganti apa-apa kelengkapan atau kelengkapan kawalan;

(c) mendirikan atau meninggikan lagi apa-apa cerobong;

(d) mengukur, mengambil sampel, menganalisa, merekod dan melaporkan apa-apa benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar, buangan, pengaliran atau keluaran yang mengandungi pencemar;

(e) menjalankan suatu kajian ke atas apa-apa risiko alam sekeliling;

(f) memasang, menyenggara dan mengendalikan suatu program pengawasan atas perbelanjaan pemunya atau penduduk; atau

(g) mengambil apa-apa langkah untuk mengurangkan, meringankan, menyuraikan, menghilangkan, membasmi, membinasa atau melupuskan pencemaran,

dalam tempoh dan mengikut cara yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain yang berlawanan, Ketua Pengarah boleh melalui notis mengarahkan pemunya atau penduduk mana-mana kenderaan, kapal, atau premis, atau pesawat udara untuk mengeluarkan, melepaskan atau meletakkan benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan pada waktu siang yang ditentukannya dan boleh secara amnya mengarahkan cara yang baginya pemunya atau penduduk itu hendaklah menjalankan tred, industri atau proses atau mengendalikan apa-apa kelengkapan, loji perindustrian atau kelengkapan kawalan di dalamnya.

(3) Mana-mana orang yang melanggar notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan denda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas penyampaian notis yang dinyatakan dalam subseksyen (1) atau (2)."

## **Seksyen 18. Seksyen baru 31A.**

Akta ini adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 31 seksyen yang berikut:

### **"Perintah larangan, dsb.**

31A. (1) Menteri, selepas berunding dengan Majlis, boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* menyatakan hal keadaan yang Ketua Pengarah boleh mengeluarkan perintah larangan kepada pemunya atau penduduk mana-mana loji perindustrian atau proses perindustrian untuk mencegah pengendaliannya yang berterusan dan pelepasan benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan sama ada secara mutlak atau bersyarat, atau bagi apa-apa tempoh yang diarahkannya, atau sehingga kehendak pemulihan yang diarahkannya telah dipatuhi.



(2) Menteri, dalam hal keadaan yang dia anggap bahawa alam sekeliling, kesihatan awam atau keselamatan awam adalah atau berkemungkinan terancam dengan serius, boleh mengarahkan Ketua Pengarah-

(a) mengeluarkan suatu perintah yang menghendaki seseorang itu untuk memberhentikan segala perbuatan yang mengakibatkan pelepasan benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan; dan

(b) menyebabkan dan menjadikan apa-apa jentera, kelengkapan, loji atau proses orang itu tak boleh beroperasi.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) dan (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-keduanya."

### **Seksyen 19. Pindaan seksyen 32.**

Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 32 dengan seksyen yang berikut:

**"Pemunya atau penduduk hendaklah menyenggara dan mengendalikan kelengkapan.**

Pemunya atau penduduk mana-mana kenderaan, kapal atau premis, tanpa mengira sama ada kenderaan, kapal atau premis itu adalah yang ditetapkan di bawah seksyen 18 atau selainnya, atau pesawat udara hendaklah menyenggara apa-apa kelengkapan atau kelengkapan kawalan yang dipasang pada kenderaan, kapal atau premis itu, atau pesawat udara itu dalam keadaan yang baik dan hendaklah mengendalikan kelengkapan itu atau kelengkapan kawalan itu dengan cara yang patut dan cekap."

### **Seksyen 20. Pindaan seksyen 33.**

Seksyen 33 Akta ibu adalah dipinda-

(a) dengan memasukkan selepas perkataan "meletakkan" dalam subseksyen (1) perkataan

"benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau"; dan

(b) dalam subseksyen (2)-

(i) dengan menggantikan perkataan "sepuluh ribu ringgit" dengan perkataan "lima puluh ribu ringgit";

(ii) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "lima"; dan

(iii) dengan menggantikan perkataan "one thousand dollars" yang terdapat dalam teks bahasa Inggeris dengan perkataan "one thousand ringgit".

## **Seksyen 21. Seksyen baru 33A.**

Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 33 seksyen yang berikut:

### **"Audit alam sekeliling.**

33A. (1) Ketua Pengarah boleh menghendaki pemunya atau penduduk mana-mana kenderaan, kapal atau premis, tanpa mengira sama ada kenderaan, kapal atau premis itu adalah yang ditetapkan di bawah seksyen 18 dan selainnya, untuk menjalankan suatu audit alam sekeliling dan mengemukakan suatu laporan audit mengikut cara yang ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud menjalankan audit alam sekeliling dan mengemukakan laporannya, pemunya atau penduduk yang diarahkan sedemikian hendaklah melantik kakitangan yang berkeelayakan yang didaftarkan di bawah subseksyen (3).

(3) Bagi maksud seksyen ini, Ketua Pengarah hendaklah menyenggara suatu senarai kakitangan yang berkeelayakan yang akan menjalankan apa-apa audit alam sekeliling dan mengemukakan laporannya."

## **Seksyen 22. Pindaan seksyen 34A.**

Subseksyen 34A(8) Akta ibu adalah dipinda-

- (a) dengan menggantikan perkataan "sepuluh ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "lima".

## **Seksyen 23. Bahagian baru IV A.**

Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian IV Bahagian yang berikut:

### **KAWALAN BUANGAN TERJADUAL**

#### **Larangan terhadap penempatan, peletakan, dsb. buangan terjadual.**

34B. (1) Tiada seorang pun boleh-

- (a) menempatkan, meletakkan atau melupuskan, atau menyebabkan atau membenarkan ditempatkan, diletakkan atau dilupuskan, kecuali di premis yang ditetapkan sahaja, apa-apa buangan terjadual di darat atau ke dalam perairan Malaysia;
- (b) menerima atau menghantar, atau menyebabkan atau membenarkan diterima atau dihantar apa-apa buangan terjadual di dalam atau di luar Malaysia; atau
- (c) mentransit atau menyebabkan atau membenarkan ditransit buangan terjadual,

tanpa terlebih dahulu mendapat apa-apa kelulusan daripada Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah boleh memberikan kelulusan bertulis sama ada tertakluk kepada syarat atau tak bersyarat.

(3) Bagi maksud Akta ini, apa-apa tindakan menerima atau menghantar, atau mentransit apa-apa buangan terjadual dengan kelulusan yang diperolehi melalui pemalsuan, salah nyataan atau fraud atau yang tidak mematuhi dengan cara yang material dengan dokumen yang relevan dalam borang yang ditetapkan, adalah suatu kesalahan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya."

### **Seksyen 24. Pindaan seksyen 36.**

Subseksyen 36(3) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Lord President" dalam teks bahasa Inggeris dengan perkataan "Chief Justice".

### **Seksyen 25. Bahagian baru V A.**

Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian V Bahagian yang berikut:

#### **PEMBAYARAN SES DAN KUMPULAN WANG ALAM SEKELILING**

##### **Ses penyelidikan.**

36A. (1) Bagi maksud menjalankan, menggalakkan atau menyelaraskan penyelidikan berhubung dengan apa-apa aspek pencemaran atau pencegahannya, Menteri boleh, selepas berunding dengan Menteri Kewangan dan Majlis, membuat suatu perintah bagi pengenaan dan pemungutan, atau pengubahan atau pembatalan pengenaan, suatu ses ke atas buangan yang dihasilkan.

(2) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh mengadakan peruntukan-

(a) bagi kadar ses berlainan yang hendak dikenakan berkenaan dengan jenis berlainan buangan yang dihasilkan termasuklah isipadu dan komposisi buangan;

(b) bagi cara pemungutan ses oleh Ketua Pengarah; dan

(c) bagi pengecualian mana-mana orang atau golongan orang, atau berkenaan dengan apa-apa buangan yang dihasilkan selain daripada bagi maksud penyelidikan, daripada pembayaran ses.

(3) Ses yang dipungut di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 36B.

#### **Penubuhan Kumpulan Wang Alam Sekeliling.**

36B. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu kumpulan wang yang hendaklah dikenali sebagai Kumpulan Wang Alam Sekeliling yang hendaklah dikendalikan sebagai Akaun Amanah dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

(2) Kumpulan Wang itu hendaklah terdiri daripada-

(a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan;

(b) segala derma dan sumbangan yang diterima dari dalam atau luar Malaysia;

(c) segala wang yang dibayar atau diterima oleh Ketua Pengarah daripada ses yang dikenakan atau dipungut mengikut seksyen 36A; dan

(d) segala wang yang dibayar atau diterima mengikut seksyen 36D.

#### **Jawatankuasa Kumpulan Wang Alam Sekeliling.**

36C. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kumpulan Wang Alam Sekeliling yang hendaklah mempunyai kawalan pada Kumpulan Wang itu.

(2) Jawatankuasa itu hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

(a) Ketua Pengarah yang hendaklah menjadi Pengerusi;

(b) dua Pegawai Kanan Alam Sekeliling yang akan dilantik oleh Menteri; dan

(c) dua pegawai awam yang akan dilantik oleh Menteri.

(3) Tiada mesyuarat Jawatankuasa boleh diadakan semasa ketiadaan Ketua Pengarah.

(4) Kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa hendaklah tiga orang.

(5) Tertakluk kepada Akta ini, Jawatankuasa boleh menentukan prosidingnya sendiri.

#### **Caruman ke dalam Kumpulan Wang.**

36D. Menteri, selepas berunding dengan Majlis, boleh menghendaki mana-mana orang yang terlibat dalam-

(a) penerokaan, pengeluaran, penapisan, penghasilan, pergerakan pukal, pengagihan atau penstoran minyak;

(b) penghasilan, pergerakan pukal, pengagihan atau penstoran, benda berbahaya kepada alam sekeliling; atau

(c) pergerakan pukal atau penstoran, buangan,

mencarum ke dalam Kumpulan Wang pada kadar yang dinyatakannya.

#### **Pemakaian Kumpulan Wang.**

36E. Kumpulan Wang itu hendaklah ditadbirkan bagi maksud-

(a) menjalankan, menggalakkan dan menyelaraskan penyelidikan berhubung dengan apa-apa aspek pencemaran atau pencegahannya;

(b) memulihkan buangan, atau menghilangkan, menyuraikan, memusnahkan, membersihkan, melupuskan atau mengurangkan pencemaran;

(c) mencegah atau memerangi kejadian yang berikut:

(i) tumpahan, pelepasan atau lambakan, minyak;

(ii) pelepasan , perletakan atau lambakan, benda berbahaya kepada alam sekeliling; atau

(iii) pelepasan, perletakan atau lambakan, buangan; dan

(d) menggalakkan langkah-langkah pemuliharaan terhadap apa-apa kerosakan yang mungkin disebabkan oleh mana-mana kejadian yang dinyatakan di bawah subperenggan (i), (ii) atau (iii) perenggan (c).'

## **Seksyen 26. Pindaan seksyen 37.**

Seksyen 37 Akta ibu adalah dipinda-

(a) dengan menggantikan perkataan "Penduduk" dalam nota birai dengan perkataan "Pemunya atau penduduk";

(b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Ketua Pengarah boleh melalui notis menghendaki pemunya atau penduduk mana-mana kenderaan, kapal, premis atau pesawat udara untuk memberikan kepadanya dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu maklumat berhubungan dengan-

(a) pemunyaan kenderaan, kapal, premis atau pesawat udara itu;

(b) penggunaan bahan mentah, benda berbahaya kepada alam sekeliling, atau apa-apa proses, kelengkapan, kelengkapan kawalan atau loji perindustrian yang terdapat pada kenderaan, kapal, premis atau pesawat udara itu;

(c) apa-apa benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan yang dilepaskan atau berkemungkinan dilepaskan daripadanya; atau

(d) apa-apa risiko alam sekeliling yang berkemungkinan berlaku akibat daripada penggunaan bahan mentah, benda berbahaya kepada alam sekeliling atau proses."; dan

(e) dengan menggantikan perkataan "two thousand dollars" dalam subseksyen

(2) dalam teks bahasa Inggeris dengan perkataan "two thousand ringgit".

## **Seksyen 27. Pindaan seksyen 38.**

Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 38 dengan seksyen yang berikut:

### **"Kuasa untuk menahan, menaiki, menggelidah, dsb.**

38. (1) Jika Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa sewajarnya secara bertulis berpuas hati, atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana orang telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, dia boleh, jika pada pendapatnya adalah perlu untuk berbuat demikian bagi maksud menyiasat kesalahan itu, tanpa waran, menahan, menaiki dan menggelidah mana-mana kenderaan, kapal atau pesawat udara, atau memasuki mana-mana premis, tanpa mengira sama ada kenderaan, kapal atau premis itu adalah yang ditetapkan di bawah seksyen 18 atau selainnya, dan boleh-

(a) menyiasat, memeriksa, menyita atau menahan apa-apa kelengkapan, komputer atau loji perindustrian;

(b) menyiasat, memeriksa, menyita atau menahan apa-apa buku, rekod, lesen, permit, perakuan atau dokumen berhubungan dengan-

(i) pelaksanaan atau penggunaan kelengkapan atau loji perindustrian itu;

(ii) benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan; atau



(iii) apa-apa hal yang dikehendaki di bawa atas kenderaan, kapal atau pesawat udara di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain;

(c) menyiasat, memeriksa, menyita atau menahan apa-apa buangan terjadual atau benda berbahaya kepada alam sekeliling dan mana-mana kenderaan atau kapal yang digunakan dalam pembawa buangan terjadual atau benda berbahaya kepada alam sekeliling;

(d) membuat pertanyaan dan pemeriksaan fizikal atas kapal, kelengkapan, peralatan, stor dan kargo sebagaimana yang perlu;

(e) membuat salinan, atau mengambil cabutan daripada, mana-mana buku, rekod atau dokumen yang disita dan ditahan sedemikian;

(f) menyiasat, memeriksa atau mengambil sampel mana-mana benda, bahan atau hal yang digunakan, berkemungkinan digunakan atau biasanya digunakan dalam mana-mana tred, industri atau proses yang dijalankan dalam atau di atas kenderaan, kapal, premis, atau pesawat udara itu; atau

(g) mengambil sampel mana-mana benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan yang dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan, atau berkemungkinan dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan daripada kenderaan, kapal, premis, atau pesawat udara itu."

## **Seksyen 28. Seksyen baru 38A.**

Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 38 seksyen yang berikut:

### **"Kuasa untuk memeriksa orang yang mengetahui kes.**

38A. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa sewajarnya secara bertulis olehnya dalam menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dijangkakan mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu dan hendaklah

mengubah dalam bentuk bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa sedemikian.

(2) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) adalah terikat untuk menjawab semua soalan berhubung dengan kes itu yang diajukan kepadanya oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis olehnya:

Dengan syarat bahawa orang itu boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya mungkin berkecenderungan mendedahkannya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau perlucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan-soalan itu.

(4) Ketua Pengarah, atau mana-mana pegawai yang diberikuasa sewajarnya secara bertulis olehnya, dalam memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memberitahu orang itu tentang peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Suatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang di bawah seksyen ini hendaklah, bila masa mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dicapkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa pernyataan itu dibuatnya dan selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu, dan jika orang yang diperiksa itu enggan menandatangani atau mengecapkan cap ibu jarinya pada pernyataan itu, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa sewajarnya secara bertulis olehnya hendaklah mengendorskan padanya di bawah tandatangannya fakta keengganan itu dan sebabnya, jika ada, sebagaimana yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa itu."

## **Seksyen 29. Pindaan seksyen 41.**

Seksyen 41 Akta ibu adalah dipinda-

(a) dengan menggantikan perkataan "lima ribu ringgit" dengan perkataan "sepuluh ribu ringgit", dan

(b) dengan menggantikan perkataan "satu" dengan perkataan "dua".

### **Seksyen 30. Pindaan seksyen 45.**

Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen 45(1) dengan subseksyen yang berikut:

"45. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana Timbalan Ketua Pengarah, atau mana-mana pegawai awam lain atau mana-mana pihak berkuasa tempatan yang kepadanya Ketua Pengarah telah mewakilkan apa-apa kuasa secara bertulis, boleh mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya yang ditetapkan oleh Menteri sebagai kesalahan yang boleh dikompaundengan menerima daripada orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu, sejumlah wang yang tidak melebihi dua ribu ringgit."

### **Seksyen 31. Seksyen baru 46A, 46B, 46C, 46D dan 46E.**

Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 46 seksyen yang berikut:

#### **"Kuasa menyita kenderaan atau kapal.**

46A. Mana-mana kenderaan atau kapal yang digunakan dalam pengangkutan atau pelupusan buangan yang melanggar dengan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya bolehlah disita oleh Ketua Pengarah sementara menanti selesainya prosiding di bawah Akta ini:

Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah boleh melepaskan kenderaan atau kapal yang disita sedemikian itu apabila diberikan suatu bon atau sekuriti lain yang mencukupi untuk meliputi nilai kenderaan atau kapal itu.

### **Kuasa perlucuthakan dan pelupusan.**

46B. Jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa kenderaan atau kapal yang disita di bawah Akta ini digunakan dalam melakukan suatu kesalahan, mahkamah hendaklah memerintahkan supaya kenderaan atau kapal itu dilucuthakan dan dilupuskan mengikut cara yang diarahkan oleh mahkamah.

### **Penyitaan dan perlucuthakan kenderaan atau kapal.**

46C. (1) Jika mana-mana kenderaan atau kapal disita di bawah Akta ini dan tiada pendakwaan dalam tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaan berkenaan dengan hal itu, kenderaan atau kapal itu hendaklah disifatkan sebagai dilucuthak pada akhir tempoh itu, melainkan jika sebelum tarikh itu suatu tuntutan bertulis mengenainya dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (2), (3) dan (4).

(2) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia adalah pemunya kenderaan atau kapal yang disebut dalam subseksyen (1) dan bahawa kenderaan atau kapal itu tidak boleh dilucuthakkan boleh memberikan notis bertulis secara sendiri atau melalui ejennya yang diberikuasa secara bertulis kepada pegawai yang diberikuasa sewajarnya secara bertulis oleh Ketua Pengarah yang dalam milikannya kenderaan atau kapal itu ditahan bahawa dia membuat tuntutan ke atas kenderaan atau kapal itu.

(3) Apabila diterima notis yang disebut dalam subseksyen (2) pegawai yang diberikuasa sewajarnya secara bertulis oleh Ketua Pengarah hendaklah merujuk tuntutan itu kepada Ketua Pengarah yang hendaklah mengarahkan pegawai sedemikian untuk merujuk hal itu kepada seorang Hakim Mahkamah Sesyen bagi mendapatkan keputusan.

(4) Hakim Mahkamah Sesyen yang kepadanya hal itu dirujuk di bawah subseksyen (3) hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia adalah pemunya kenderaan atau kapal itu, dan orang yang daripadanya ia disita, untuk hadir di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen itu, dan apabila mereka hadir atau jika mereka ingkar untuk hadir, penyampaian wajar saman itu telah dibuktikan, Hakim Mahkamah Sesyen itu hendaklah terus memeriksa perkara itu dan apabila terbukti bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa kenderaan atau kapal itu yang menjadi hal perkara atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu hendaklah memerintahkan supaya kenderaan atau kapal itu dilucuthakkan dan hendaklah, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasannya.

(5) Mana-mana kenderaan atau kapal yang disifatkan terlucuthak atau terlucuthak di bawah

seksyen ini hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengarah dan hendaklah dilupuskan oleh Ketua Pengarah-

(a) mengikut arahan-arahan yang diberikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen; atau

(b) mengikut cara yang difikirkannya patut.

**Tiada kos atau gantirugi berbangkit daripada penyitaan melainkan jika penyitaan dibuat tanpa sebab yang munasabah.**

46D. Dalam mana-mana prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan mana-mana kenderaan atau kapal yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, seseorang itu adalah tidak berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa gantirugi atau relif lain selain daripada perintah pemulangan kenderaan atau kapal yang disita itu atau pembayaran nilainya melainkan jika penyitaan itu telah dibuat tanpa sebab yang munasabah.

**Pampasan bagi kerugian atau kerosakan kepada harta.**

46E. Setelah seseorang telah disabitkan atas suatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, mahkamah, sebagai tambahan kepada mengenakan penalti bagi kesalahan itu, boleh, jika mahkamah mendapati bahawa mana-mana orang lain telah, dengan sebab perlakuan, atau peninggalan yang telah mengakibatkan kesalahan itu, mengalami kerugian atau kerosakan kepada harta, memerintahkan orang yang disabitkan sedemikian untuk membayar kepada orang yang satu lagi itu kos dan perbelanjaan yang dilakukan atau pampasan bagi kerugian atau kerosakan kepada harta dan apa-apa kos lain, dalam amaun yang mahkamah fikirkan patut."

## **Seksyen 32. Pindaan seksyen 48.**

Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 48 dengan seksyen yang berikut:

### **"Kuasa untuk menahan dan menjual kenderaan atau kapal.**

48. (1) Jika Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa apa-apa pelepasan atau tumpahan minyak atau campuran yang mempunyai minyak atau buangan terjadual adalah daripada mana-mana kenderaan atau kapal, dia boleh menahan kenderaan atau kapal itu dan kenderaan atau kapal itu boleh ditahan sehingga pemunya mendeposit dengan Kerajaan sejumlah wang atau mengemukakan apa-apa sekuriti yang, pada pandangan Ketua Pengarah, adalah cukup untuk memenuhi kos dan perbelanjaan yang akan dilakukan untuk menghilangkan atau menghapuskan minyak atau campuran yang mengandungi minyak atau buangan terjadual itu.

(2) Jika kenderaan atau kapal yang ditahan itu terus bergerak sebelum ia dilepaskan, pemunya atau nakhodanya, atau mana-mana orang yang menyebabkan kenderaan atau kapal itu bergerak adalah melakukan suatu kesalahan dan bolehlah didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(3) Jika pemunya kenderaan atau kapal itu tidak berupaya membayar kos dan perbelanjaan yang dilakukan dalam menghilangkan atau menghapuskan minyak itu atau campuran yang mengandungi minyak atau buangan terjadual itu, Ketua Pengarah boleh memohon kepada mahkamah bagi penjualan kenderaan atau kapal itu dan menggunakan hasil jualan itu untuk membayar kos dan perbelanjaan bagi menghilangkan atau menghapuskan minyak atau campuran yang mengandungi minyak atau buangan terjadual itu."

### **Seksyen 33. Pindaan seksyen 50.**

Seksyen 50 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "ten thousand dollars" yang terdapat dalam teks bahasa Inggeris dengan perkataan "ten thousand ringgit".

### **Seksyen 34. Pindaan seksyen 51.**

Subseksyen 51(1) Akta ibu adalah dipinda-

(a) dengan memotong perkataan "atau radioaktif" dalam perenggan (d);

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:

"(ee) menetapkan standard kualiti air sekeliling dan standard pelepasan dan menyatakan beban maksimum yang dibenarkan yang boleh dilepaskan oleh mana-mana punca ke dalam perairan daratan, dengan merujuk secara amnya atau khususnya kepada kumpulan air yang berkenaan;"

(c) dengan menggantikan noktah pada akhir perenggan (q) dengan koma bertitik; dan

(d) dengan memasukkan selepas perenggan (s) perenggan yang berikut:

"(t) mengawal audit alam sekeliling dan pengemukaan suatu laporan audit dan perlantikan kakitangan yang berkelayakan untuk membantu Ketua Pengarah dalam menjalankan audit alam sekeliling bagi mana-mana premis itu, tanpa mengira sama ada premis itu adalah yang ditetapkan atau selainnya, dan cara pengendaliannya dan bayaran yang boleh dikenakan;

(u) melarang atau mengawal pengilangan, penstoran, pengangkutan atau pemakaian, atau penggunaan, pengeluaran, pelepasan, atau peletakan ke dalam alam sekeliling, apa-apa benda berbahaya kepada alam sekeliling;

(v) mengawal langkah-langkah untuk menilai, mengawal, mengurangkan atau menghapuskan risiko alam sekeliling;

(w) mengawal kekompetenan orang yang layak untuk menyenggara dan mengendalikan apa-apa kelengkapan atau kelengkapan kawalan."

Copyrights Reserved

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Law net.



PRODUCED BY  
LAWNET  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD